

# Ketuanan Politik Melayu

Pandangan Kaum Cina

9  
Thock Ker Pong

# Ketuanan Politik Melayu

Respons Masyarakat Cina

Thock Ker Pong



PUSTAKA PERDANA



1005991

**enerbit** UNIVERSITI  
MALAYA

# KANDUNGAN

Senarai Singkatan	ix
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xiii
Senarai Nama Bahasa Cina	xv
Prakata	xix
Kata Pengantar	xxi
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<b>BAB I: HUATUAN DARI PERSPEKTIF SEJARAH, 1801-1969</b>	<b>19</b>
Pengenalan	19
Sejarah Kedatangan dan Perkembangan Masyarakat Cina	20
Kemunculan dan Perkembangan Huatuan dalam Masyarakat Cina	23
Peranan Huatuan dalam Masyarakat Cina, 1801-1969	33
Rumusan	52
<b>BAB II: KEMUNCULAN HEGEMONI MELAYU</b>	<b>57</b>
Pengenalan	57
Nasionalisme Melayu Pemangkin Perkembangan Politik Malaysia	59
Evolusi Kekuasaan Politik Melayu: Dari Dominasi ke Hegemoni	62
Manifestasi Kehegemonian Politik Melayu	71
Manifestasi Kehegemonian Ekonomi Melayu	75
Manifestasi Kehegemonian Budaya Melayu	82
Rumusan	85
<b>BAB III: DILEMA MASYARAKAT CINA</b>	<b>89</b>
Pengenalan	89
Dilema Politik Kepartian Orang Cina	90
Dilema Ekonomi	95
Dilema Pendidikan	101
Dilema Kebudayaan dan Sosial	117
Rumusan	122

<b>BAB IV: HUATUAN - KE ARAH PENYATUAN ORANG CINA, 1971-1984</b>	<b>127</b>
Pengenalan	127
Gerakan Perpaduan Orang Cina	128
Penyatuan dalam Pergerakan Huatuan	134
Gerakan Pengkorporatan	136
Gagasan Gabungan Tiga ( <i>Sanjiehe</i> )	144
Gerakan Menyelamat dan Memandirikan Kebudayaan Mahua	150
Rumusan	157
<b>BAB V: PENGLIBATAN HUATUAN DALAM POLITIK, 1985-1990</b>	<b>163</b>
Pengenalan	163
Gagasan Sistem Dua Barisan dalam Pilihan Raya Umum 1986	164
CRC dan Pakatan Pembangkang dalam Pilihan Raya Umum 1986	169
Gagasan Sistem Dua Barisan dalam Pilihan Raya Umum 1990	174
Rumusan	193
<b>BAB VI: HUATUAN KE ARAH PENCARIAN JALAN KELUAR, 1991-1999</b>	<b>197</b>
Pengenalan	197
Aliran Pergerakan Huatuan dan Pilihan Raya Umum 1995	198
Isu Suqiu dan Pilihan Raya Umum 1999	210
Rumusan	232
<b>KESIMPULAN</b>	<b>239</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>253</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>295</b>
<b>INDEKS</b>	<b>313</b>

# PRAKATA

Buku ini asalnya merupakan tesis kedoktoran penulis berjudul "Hegemoni Politik Melayu dan Respons Masyarakat Cina Malaysia: Satu Kajian tentang Peranan Persatuan Cina (Huatuan), 1969-1999" yang diserahkan kepada Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada bulan Mei 2004. Banyak pihak dan orang perseorangan telah memberikan bantuan kepada penulis untuk menyiapkan penulisan tesis dan penerbitan buku ini. Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengabadikan ucapan terima kasih dan rasa terhutang budi kepada mereka.

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia tesis, Prof. Madya Dr. Chia Oai Peng dan Profesor Dr. Hussain Mohamed kerana kesungguhan mereka membimbing penulis. Segala nasihat, tunjuk ajar, dan galakan daripada mereka telah banyak membantu penulis. Kepada Prof. Dr. Hussain, tunjuk ajar beliau membolehkan penulis mendalami ilmu sosiologi politik dan seterusnya memperkukuh minat dan kerja penyelidikan penulis dalam bidang ini, jasa baik beliau senantiasa tersemat di sanubari.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga harus penulis tujukan kepada profesor Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin dan Profesor Dato' Abdul Rahman Embong selaku pemeriksa luar tesis penulis yang memberi saranan-saranan yang amat berguna untuk memperkemas dan memantapkan buku ini. Tunjuk ajar mereka membolehkan penulis meninjau sesuatu permasalahan politik dengan pendekatan dan perspektif yang pelbagai. Ini sungguh berguna kepada penulis.

Penerbitan buku ini tidak dapat dilakukan tanpa kesungguhan Prof. Madya Dr. Hamed Mohd. Adnan, Ketua Jabatan Penerbitan Universiti Malaya dan para editornya yang menyunting buku ini dalam masa yang singkat. Penulis menghargai usaha mereka.

Ucapan terima kasih juga penulis rakamkan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Pengajian Tionghoa, Universiti Malaya, terutama Profesor Dr. Tan Ooi Chee dan Prof. Madya Dr. Soo Khin Wah yang selalu mengambil berat tentang penerbitan buku ini. Kepada pemimpin-pemimpin Huatuan yang telah memberi kerjasama dengan temu bual bagi menjayakan kajian ini, penulis amat berterima kasih. Tidak ketinggalan juga penghargaan penulis turut ditujukan kepada adik saya, Dr. Thock Kiah Wah dan rakan seperjuangan akademik penulis, iaitu Dr. Sia Keng Yek, Cheong Yuen Keong, dan Chong Siew Lay yang telah banyak memberi sumbangan idea dan suntikan semangat dalam penghasilan buku ini.

Sekalung penghargaan harus ditujukan kepada isteri yang sentiasa memahami beban tugas rasmi dan penyelidikan penulis serta banyak berkorban dan memberi sokongan moral kepada penulis.

Akhirnya segala kelemahan dan kekurangan dalam buku ini sudah tentu berpunca daripada penulis. Penulis mengalu-alukan tunjuk ajar dan nasihat daripada para pembaca.

Thock Ker Pong, Ph.D  
256, Jalan Jasmin 10,  
Taman Jasmin,  
43000 Kajang,  
Selangor Darul Ehsan  
September 2005

# KATA PENGANTAR

Persatuan Cina, kuil, sekolah dan surat khabar adalah empat institusi yang didirikan oleh masyarakat Cina setelah mereka datang dan menetap di Malaya dan kini Malaysia. Kedatangan orang Cina adalah satu peristiwa yang bersejarah. Ramai orang Cina telah ditipu, dipaksa, dan diculik dibawa masuk ke Malaya dengan berbagai-bagai cara hanya kerana permintaan pihak penjajah untuk tenaga buruh demi penerokaan di tanah penjajahan. Orang Cina dibawa masuk untuk bekerja sebagai "kuli" (buruh dengan gaji yang amat rendah) di lombong dan di tapak penerokaan tanah demi tanaman komersial, misalnya gambir dan lada. Cara membawa "kuli" Cina ke Malaya telah pun menjadi satu peniagaan buruh yang mendatangkan keuntungan yang lumayan pada masa itu. Pada masa orang Cina dibawa masuk, orang India juga dibawa masuk ke Malaya dengan tujuan yang sama. Demikian wujudlah masyarakat pelbagai kumpulan etnik di Malaya.

Sejarah tinggal bersama dan berjuang bersama antara berbagai-bagai kumpulan etnik untuk menamatkan penjajahan British telah membawa penubuhan kerajaan baru yang juga menggambarkan komposisi kemajmukan etnik. Semasa kemerdekaan Malaya pada tahun 1957, pelibatan penduduknya dalam bidang ekonomi dan pekerjaan menunjukkan ketidakseimbangan dalam kedudukan sosial dan ekonomi di antara kumpulan etnik. Catatan perlembagaan negara pun, juga telah mengambil, pemeliharaan hak dan kebebasan bagi rakyat negara baru yang mengandungi pelbagai kumpulan etnik.

Dengan latar belakang seperti ini wujudlah struktur politik Malaysia dengan penubuhan parti-parti politik kebanyakannya adalah berasaskan satu kumpulan etnik sahaja. Dalam perkongsian kuasa politik dan pentadbiran, timbullah perundingan dan pembahagian kuasa politik yang berteraskan politik perkauman. Keadaan politik ini semakin menjadi tegang mengikut pergolakan dan kejadian

ekonomi sedunia. Struktur politik sebegini juga meletakkannya dalam keadaan yang senang diselewengkan oleh kumpulan berkepentingan tertentu. Bagi masyarakat Cina dan India yang merupakan kumpulan minoriti berlandaskan kedudukan politik mereka yang inferior berbanding dengan kumpulan Melayu yang merupakan kumpulan majoriti, lanjutan kemajuan budaya dan pendidikan serta penerusan identiti turut dibela oleh pemimpin-pemimpin sosial dan politik. Perjuangan dan perundingan menjadi dua perkara biasa dalam kehidupan masyarakat Malaysia.

Semasa pembinaan ekonomi dan masyarakat Malaya sejak kemerdekaan sehingga sepanjang tahun 1960-an, dasar-dasar untuk memajukan kawasan luar bandar tidak dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Tambahan pula konflik berpunca daripada perang Dingin antara blok Euro-Amerika dengan blok Rusia-China telah membawa kesan ke atas peristiwa-peristiwa politik di Malaysia. Justeru, satu suasana hegemoni politik Melayu, iaitu kumpulan etnik majoriti, telah timbul dan menjadi nyata bersama dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Pendidikan vernakular menjadi saranan dalam pembinaan negara dan isu bahasa sentiasa dijadikan umpan dalam pilihan raya umum. Hasil kajian Thock Ker Pong ini banyak menonjolkan fakta di mana pendidikan vernakular dan pembelajaran serta pengajaran dalam bahasa Cina menjadi pusat persaingan kuasa dalam politik Malaysia.

Sepanjang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, keadaan hegemoni politik Melayu dikawal dan juga bebas maju mengikut kehendak kemajuan politik dalam negeri. Setelah tamatnya Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990, dengan dasar ekonomi yang baru, penglibatan orang Melayu dalam bidang ekonomi terus menjadi isu hangat berikutan berlakunya kemelesetan ekonomi sedunia. Walaupun dasar pendidikan juga sudah diganti dengan yang baru, iaitu Dasar Pendidikan 1996, pendidikan vernakular dan isu bahasa masih menjadi tumpuan persaingan kuasa politik perkauman dan sering digunakan oleh ahli politik untuk mendapat sokongan popular.

Keadaan seperti ini telah membekalkan satu ruangan untuk perjuangan mempertahankan pendidikan dalam bahasa ibunda, iaitu pendidikan vernakular, demi kelangsungan budaya dan identiti kumpulan minoriti, khasnya masyarakat Cina. Masyarakat Cina Malaysia yang mempunyai jumlah dan jenis persatuan Cina yang begitu banyak, telah menyediakan satu kepimpinan sosial yang terjalin dan berkesan. Pucuk kepimpinan ini tidak berhenti-henti untuk menjalankan tugas mereka, iaitu membela dan mempertahankan kepentingan ahli-ahli persatuan sejak ia ditubuhkan. Kajian Thock Ker

Pong merupakan satu-satunya usaha untuk memahami mekanisme persatuan Cina dalam politik Malaysia. Jika dibandingkan dengan negara yang lain, di mana jumlah persatuan Cinanya kurang, peranan persatuan Cina juga berbeza, iaitu merupakan pusat menjalin pertalian serta meneruskan lanjutan budaya dan identiti sahaja.

Pendek kata, wujudnya hegemoni politik Melayu telah membentuk peranan persatuan Cina di Malaysia, demi mempertahankan serta memperjuangkan pendidikan Cina supaya kepentingan meneruskan budaya dan identiti dapat dikekalkan. Kajian Thock Ker Pong merupakan satu daripada usaha perintis memandangkan isu-isu tentang hegemoni politik Melayu sentiasa dipandang sebagai isu yang sensitif. Thock telah banyak membaca bahan literatur kajian lepas dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Cina, membekalkan beliau dengan pandangan pelbagai perspektif yang berlainan. Thock juga telah menemu ramah individu Melayu dan Cina yang berkenaan dengan pokok pembicaraannya. Buku Thock ini adalah hasil usahanya untuk membekalkan satu pandangan dan analisis kajian politik dan masyarakat yang tidak berberat sebelah.

Profesor Madya Chia Oai Peng  
Jabatan Pengajian Tionghoa  
Universiti Malaya  
22 Julai 2005